



**KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA
UNTUK PRESTASI PELANCONGAN DOMESTIK DI MALAYSIA
PADA SUKU PERTAMA 2023 DAN TAHUNAN 2022**

Pelawat domestik Malaysia meningkat 33.7% tahun ke tahun pada suku tahun pertama 2023, manakala perbelanjaan pelawat domestik melonjak kepada RM64.1 bilion pada 2022

PUTRAJAYA, 26 Jun 2023 – Bilangan pelawat domestik di Malaysia mengalami lonjakan yang ketara, dengan merekodkan 48.6 juta pelawat domestik bagi suku pertama 2023, meningkat 33.7 peratus berbanding suku yang sama tahun sebelumnya. Sementara itu, bagi perbandingan suku tahun ke suku tahun, pelawat domestik meningkat 3.9 peratus berbanding suku keempat 2022. Perbelanjaan pelancongan domestik bagi suku pertama 2023 merekodkan RM19.2 bilion, meningkat 47.0 peratus tahun ke tahun, manakala perbandingan suku tahunan meningkat 4.6 peratus. Ini dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada hari ini dalam **SURVEI PELANCONGAN DOMESTIK MALAYSIA (DTS) 2022**. Laporan itu membentangkan statistik tahunan 2022 berkaitan statistik ketibaan pelawat, perbelanjaan pelancongan, corak perjalanan dan profil sosial & demografi pelawat domestik. Buat julung kalinya juga, DOSM turut memperkenalkan statistik pelancongan domestik secara suku tahunan bermula suku tahun pertama 2023.

Prestasi pelancongan domestik di Malaysia mengalami pemulihan yang luar biasa pada 2022 dengan jumlah perbelanjaan RM64.1 bilion, berbanding RM18.4 bilion pada 2021. Setelah hampir dua tahun Malaysia bergelut dengan COVID-19, kini rakyat dapat menarik nafas lega apabila pelancongan domestik kembali rancak dan menunjukkan tanda pemulihan ekonomi. Menurut DOSM, jumlah pelawat domestik melonjak 160.1 peratus untuk mencatatkan 171.6 juta pelawat berbanding 66.0 juta pelawat tahun sebelumnya. Selari dengan peningkatan bilangan pelawat domestik, jumlah perbelanjaan

turut meningkat 248.1 peratus berbanding 2021. Prestasi memberangsangkan bagi perbelanjaan ini didorong oleh peningkatan jumlah perbelanjaan oleh pelancong, 425.1 peratus dan pelawat harian, 129.0 peratus.

Dari segi perbelanjaan, perbelanjaan pelancong adalah penyumbang majoriti iaitu pada 60.7 peratus (2021: 57.3%). Membeli-belah merupakan sumbangan terbesar perbelanjaan dengan sumbangan 38.9 peratus (2021: 50.3%), diikuti oleh makanan & minuman, 15.2 peratus (2021: 15.1%) dan pembelian bahan api kenderaan, 13.8 peratus (2021: 11.1%). Melawat saudara-mara & rakan-rakan kekal menjadi penyumbang tertinggi bagi tujuan utama pelancongan domestik iaitu 33.7 peratus (2021: 24.2%), namun masih belum mengatasi peratusan yang dicatatkan pada tahun pre-pandemik iaitu 42.3 peratus. Membeli-belah kekal sebagai tujuan kedua dengan sumbangan 29.9 peratus (2021: 36.4%).

Volum jumlah perjalanan menunjukkan peningkatan ketara yang mana pelawat domestik telah melakukan 207.8 juta perjalanan di dalam negara pada tahun 2022, melonjak 187.0 peratus berbanding tahun sebelumnya. Selanjutnya, *average length of stay* (ALOS) meningkat kepada 2.55 hari daripada 2.19 hari pada tahun sebelumnya.

Bagi ketibaan pelawat domestik mengikut negeri pula, Selangor muncul sebagai negeri dikunjungi paling ramai pelawat domestik pada tahun 2022 menerima seramai 22.0 juta, diikuti oleh W.P Kuala Lumpur dan Sarawak masing-masing menerima 16.9 juta dan 15.5 juta pelawat domestik. Jumlah pelancong domestik yang berkunjung ke negeri Pahang meningkat sebanyak 511.8 peratus, merekodkan 7.8 juta berbanding tahun sebelumnya, 1.3 juta pelancong.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah *“Connecting the World with Data We Can Trust”*

DOSM akan mengeluarkan Anggaran KDNK Awalan bermula pada suku tahun kedua 2023. Anggaran awalan ini merupakan inisiatif yang dilaksanakan oleh DOSM untuk memberikan gambaran prestasi ekonomi empat (4) minggu awal sebelum KDNK Suku Tahunan dikeluarkan.

Carta 1: Ketibaan Pelawat Domestik di Malaysia, 2012 – 2022



Carta 2: Perbelanjaan Pelawat Domestik di Malaysia, 2012 – 2022



Dikeluarkan oleh:

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

26 JUN 2023



**Department of Statistics
M A L A Y S I A**

**MEDIA STATEMENT
FOR PERFORMANCE OF DOMESTIC TOURISM MALAYSIA
IN FIRST QUARTER 2023 AND ANNUAL 2022**

Malaysia's domestic visitors increased 33.7% year-on-year in Q1 2023, while annual domestic visitors expenditure surged to record RM64.1 billion in 2022

PUTRAJAYA, 26 JUNE, 2023 – Domestic tourism in Malaysia experienced a significant surge to record 48.6 million visitors for the first quarter 2023, increased 33.7 per cent as compared to the same quarter of previous year. Meanwhile, for quarter-on-quarter comparison, domestic visitors increased 3.9 per cent as compared to fourth quarter of 2022. Domestic tourism expenditure for the first quarter of 2023 recorded RM19.2 billion, increased 47.0 per cent year-on-year, and rose 4.6 per cent for quarterly comparison. This is reported by Department of Statistics Malaysia (DOSM) in today's release of **MALAYSIA'S DOMESTIC TOURISM SURVEY (DTS) 2022**. The report also present annual statistics 2022 on visitor arrivals, tourism expenditure, travel patterns, and social & demographic characteristics of domestic visitors. In a significant milestone, DOSM also introduced quarterly domestic tourism statistics, starting from the first quarter of 2023.

Annual statistics on domestic tourism performance in Malaysia experienced a notable recovery in 2022 with a total spending of RM64.1 billion, compared to RM18.4 billion in 2021, an increase of 248.1 per cent. After enduring nearly two years of the devastating COVID-19, the resumption of domestic tourism brings a sense of relief to the people of Malaysia and its economy. According to DOSM, the number of domestic visitors surged 160.1 per cent to reach 171.6 million visitors compared to the 66.0 million recorded last year. Correspondingly, expenditure also witnessed a substantial increase with 248.1 per cent compared to 2021. Notably, this significant hike in expenditure was attributed to an

astounding increase of 425.1 per cent in the number of tourists and 129.0 per cent in excursionists.

In terms of expenditure, tourists spending contribution accounted for the majority at 60.7 per cent (2021: 57.3%). Shopping registered the largest share of expenditure, contributing 38.9 per cent (2021: 50.3%), followed by food and beverages at 15.2 per cent (2021: 15.1%), and vehicle fuel purchases at 13.8 per cent (2021: 11.1%). Visiting relatives and friends remained the primary purpose of domestic tourism, accounting for 33.7 per cent (2021: 24.2%), but it has yet to surpass the pre-pandemic percentage of 42.3 per cent. Shopping remained the second most significant purpose, contributing 29.9 per cent (2021: 36.4%).

The volume of domestic trips witnessed a significant increase, with domestic visitors undertaking 207.8 million trips within the country in 2022, representing a notable surge of 187.0 per cent as compared to the previous year. Additionally, the average length of stay (ALOS) rose to 2.55 days in 2022 from 2.19 days in the previous year.

Regarding domestic visitor arrivals by state, Selangor emerged as the most visited state in 2022, attracting 22.0 million domestic visitors. It was followed by W.P. Kuala Lumpur and Sarawak, welcoming 16.9 million and 15.5 million domestic visitors, respectively. Notably, the number of domestic tourists visiting Pahang witnessed a substantial increase of 511.8 per cent, reaching 7.8 million when compared to the previous year of 1.3 million.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

Please be informed that the Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Connecting the World with Data We Can Trust”.

DOSM will release the Advance GDP Estimates beginning in the second quarter of 2023. These advance estimates are an initiative by DOSM to provide an overview of the economic performance four (4) weeks prior to the release of Quarterly.

Chart 1: Malaysia’s Domestic Visitors Arrivals, 2012 – 2022





Chart 2: Malaysia's Domestic Visitors Expenditure, 2012 – 2022



Released by:

DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA

26 June 2023